

Bagaimanakah seseorang pengguna tahu bahawa dia telah didaftarkan?

Pengguna akan dimaklumi, bahawa dia telah didaftarkan, melalui sms oleh Pembekal Perkhidmatan yang berkenaan dalam tempoh tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Pembekal Perkhidmatan tersebut.

Adakah pengguna bertanggungjawab jika butiran peribadinya dipalsukan oleh seseorang untuk pendaftaran?

Jika pengguna mendapati butiran peribadinya telah digunakan tanpa kebenarannya oleh pihak ketiga untuk pendaftaran, laporan polis hendaklah dibuat dengan segera.

Pengguna tersebut tidak akan dipertanggungjawabkan jika siasatan polis mendapati Kad SIM prabayar yang digunakan dalam apa-apa jenayah didaftarkan dengan pemalsuan butiran peribadi pengguna.

Apakah ada had tempoh untuk mendaftar?

Semua pengguna prabayar perlu mendaftar selewat-lewatnya pada 15 Disember 2006.

Bagaimana kalau saya tidak mendaftarkan kad prabayar saya selepas 15 Disember 2006?

Perkhidmatan akan digantung selama 14 hari, iaitu anda masih boleh menerima panggilan telefon dan membuat panggilan kecemasan hanya bagi tempoh 14 hari lagi. Sebaik sahaja tamat tempoh 14 hari tersebut, nombor anda akan dinyahaktifkan jika anda tidak mendaftar.

Sebaik sahaja dinyahaktifkan, anda perlu membeli kad baru dan mendaftar untuk mendapatkan semula perkhidmatan prabayar.



Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 603-8688 8000 Faks: 603-8688 1006
www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission

Soalan Lazim Mengenai Pendaftaran Prabayar di Malaysia



Mengapa perlu daftar?

Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan arahan bahawa setiap pengguna perkhidmatan selular awam prabayar di negara ini hendaklah mendaftar.

Arahan ini bertujuan mengekang penyalahgunaan perkhidmatan selular awam prabayar dan menangani isu keselamatan.

Siapa perlu mendaftar?

Semua pengguna, tanpa mengira kerakyatan, dikehendaki mendaftar selama mereka melanggan perkhidmatan selular awam prabayar. Ini termasuk:-

- (a) Rakyat Malaysia;
- (b) Pemastautin Tetap;
- (c) Pekerja asing; dan
- (d) Pelancong.

Pengguna diwajibkan mendaftarkan setiap nombor mudah alih prabayar yang dimilikinya dengan pembekal perkhidmatan yang berkenaan.

Syarat Umur

Pengguna mestilah berumur sekurang-kurangnya 12 tahun (dengan kad pengenalan yang sah) untuk membeli Kad SIM prabayar dan mendaftar.

Pembelian dan pendaftaran bagi mereka yang dibawah umur 12 tahun perlu dilakukan oleh penjaga mereka selaku sebagai pemilik Kad SIM prabayar manakala anak mereka didaftarkan sebagai pengguna.

Di mana saya boleh mendaftar?

Untuk mendaftar, pengguna dikehendaki mengunjungi pusat khidmat pembekal perkhidmatan, ejen atau pengedar yang diberi kuasa dengan membawa bersama telefon bimbit dan kad pengenalan/pasport untuk pengesahan.

Pengguna perlu hadir sendiri untuk pendaftaran, pendaftaran melalui proksi tidak dibenarkan.

Pendaftaran dilakukan secara dalam talian bagi yang mempunyai MyKad dan manual bagi mereka yang tiada MyKad.

Bagaimana kalau pengguna mempunyai Kad SIM prabayar daripada Pembekal Perkhidmatan yang lain?

Pengguna dikehendaki mendaftar dengan setiap pembekal perkhidmatan yang berkenaan.

NOMBOR TELEFON PEMBEKAL PERKHIDMATAN

Nombor talian penting:



03 - 3630 8888
03 - 3630 1111



016 2211 800



1 300 82 0121

Apa yang perlu saya bawa untuk mendaftar?

Untuk mendaftar, pengguna perlu mengemukakan maklumat yang berikut:-

- Nama;
- Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pasport (dokumen asal diperlukan untuk pengesahan); dan
- Alamat

Semua maklumat yang dikemukakan semasa pendaftaran akan dirahsiakan.

Jika pengguna mengemukakan maklumat palsu semasa mendaftar, pembekal perkhidmatan akan serta-merta menamatkan khidmat selular awam prabayar pengguna.

Pendaftaran adalah percuma

Pendaftaran adalah percuma.

Jika kedai pembekal perkhidmatan tidak membuat pendaftaran dan sebaliknya meminta bayaran, aduan hendaklah diajukan kepada sama ada syarikat selular yang berkenaan atau SKMM.

Apakah ada had ke atas bilangan Kad SIM prabayar yang boleh dibeli oleh pengguna?

Pada masa ini, tiada had yang ditetapkan ke atas bilangan Kad SIM prabayar yang boleh dibeli oleh pengguna.